S1-22
S3-22
S7-20
S8-21

~~No. Pusat/Angka Giliran~~ UBT2.

Mata Pelajaran SJ K2 - Bah A. Tahun 9/9/09.

85

(1). Soalan 1

Sebelum kedatangan Barat, sistem sosial masyarakat Melayu Tradisional boleh dibahagikan kepada dua golongan iaitu golongan memerintah dan golongan diperintah. Golongan memerintah terdiri daripada tiga lapisan iaitu Sultan, golongan kerabat diraja dan diikuti dengan golongan pembesar. Golongan diperintah pula terdiri daripada golongan merdeka, ~~iaitu~~ rakyat biasa ~~dan~~ dan golongan hamba. Sistem sosial ini ~~dianggap~~ seimbang kerana setiap lapisan masyarakat akan menjalankan peranan dan tugas sendiri.

(P) 2

Secara umumnya, golongan diperintah harus menunjukkan taat setia yang tidak berbelah ~~bagi~~ bahagi kepada golongan memerintah. Golongan diperintah juga lebih ramai berbanding dengan golongan memerintah. Golongan diperintah seperti orang biasa telah dibahagikan kepada orang tempatan dan orang asing. Mereka bebas melakukan pelbagai aktiviti ~~seperti~~ dan boleh bergerak bebas. Orang merdeka tempatan merupakan rakyat biasa yang terdiri daripada petani, artisan, petukang atau pedagang. Mereka bebas menjalankan aktiviti ekonomi dan kegiatan sebarian, namun, mereka juga tertaklak dalam sistem serah dan kerah. Oleh sebab golongan ini merupakan pengikut-pengikut pembesar dan dinaungi oleh kedaulatan Sultan, mereka diwajibkan untuk menyerahkan sebahagian daripada hasil tanaman atau hasil pendapatan mereka kepada pembesar atau Sultan ~~untu~~ sebagai tanda ketaatan. Mereka juga perlu melakukan kerahan tenaga untuk pembesar dan Sultan seperti membina istana, masjid, jambatan dan sebagainya. Mereka tidak akan dibayar upah, ~~ma~~ hanya makanan yang akan disediakan sepanjang masa kerahan.

~~Orang~~ Golongan merdeka yang kedua ialah golongan orang asing. Mereka terdiri daripada pedagang, perantau, mubaligh atau santeri (orang

SMK Tinggi Setapak
Jawapan Pelajar

yang merantau untuk menimba ilmu). Mereka bebas menjalankan aktiviti mereka di bawah naungan Sultan dengan syarat ~~mereka~~ mereka mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. Kadang-kala, golongan ini akan menetap di Tanah Melayu selepas berkahwin dengan orang tempatan. Masyarakat Tamil-Melayu ~~wujud~~ kerana perkahwinan antara pedagang dari India dengan masyarakat tempatan.

Golongan diperintah seperti golongan hamba ~~boleh~~ dibahagikan kepada hamba ~~abdi~~ biasa, hamba berhutang dan hamba diraja. Hamba biasa terdiri daripada hamba abdi, hamba jual ~~beli~~ dan hamba diraja. Kebanyakan hamba abdi merupakan tawanan perang atau orang culikan yang telah didagangkan. Mereka dijual kepada tuan di Tanah Melayu. Hamba jual beli pula merupakan hamba yang dibeli atau dijual antara orang kaya. ~~Hamba berhutang~~ Mereka ini akan dijadikan hamba untuk ~~sen~~ sesumur hidup kecuali dibebaskan. Hamba berhutang pula merupakan ~~hamba~~ orang yang tidak dapat melangsaikan hutang, menyerahkan diri untuk menjadi hamba untuk menyelesaikan hutangnya. Hamba berhutang akan tinggal di rumah tuan punya dan menjadi hamba sehingga tamat tempohnya atau telah menyelesaikan hutangnya. Jika ~~peat~~ penghutang itu berkeluarga, isteri dan anaknya turut menjadi hamba. Mereka ~~dan~~ memulihkan status mereka sebagai golongan merdeka selepas hutang telah habis dibayar.

Hamba diraja pula terdiri daripada orang merdeka yang telah melakukan jenayah atau dipenjarakan dan diampuni oleh Sultan. Hamba di Istana ini menjalankan tugas-tugas dalam istana dan dilindungi oleh Sultan. Mereka mendapat keistimewaan yang lebih berbanding dengan golongan hamba yang lain kerana ~~sq~~ sesiapa yang membunuh hamba diraja akan dihukum berat. Mereka dijadikan hamba untuk ~~sen~~ sesumur hidup dan warisan mereka ~~jud~~ juga menjadi hamba

SMK Tinggi Setapak
Jawaban Pelajar

~~ket~~ kecuali dibebaskan oleh Sultan.

Hamba-hamba memainkan peranan yang penting dalam masyarakat Melayu tradisional kerana mereka adalah golongan yang menjalankan tugas tenaga buruh. Hamba lelaki menjalankan tugas berat seperti petani, pelombong, pembina rumah dan sebagainya, manakala hamba perempuan melakukan kerja yang ringan seperti kerja rumah, tukang masak, memikul air ~~dan~~ dan lain-lain. ~~Golongan~~ Tambahan lagi, golongan hamba merupakan lambang kekayaan seorang pembesar atau orang kaya. Kedudukan golongan atasan ini semakin tinggi dan berprestij jika mempunyai banyak hamba.

Berdasarkan huraian diatas, kesimpulan dapat dibuat bahawa sistem sosial masyarakat Melayu tradisional mempunyai hubungan saling berkait antara golongan diperintah dengan golongan pemerintah. Walau ~~bag~~ bagaimanapun, selepas kedatangan British di Tanah Melayu, organisasi sosial ini telah terjejas dengan penerapan unsur-unsur Barat. Misalnya, ~~ke~~ amalan perhambaan telah dihapuskan kerana ~~bersifat~~ ~~bersifat tidak~~ tidak bersifat kemanusiaan pada pandangan Barat. Namun, mereka tidak memahami bahawa perhambaan merupakan adat-istiadat masyarakat Melayu tradisional yang telah diwarisi secara turun-temurun

(K) 2

P-2

1-18

K-2

22

SMK Tinggi Setapak Jawaban Pelajar

③. Soalan 3

Akibat daripada perubahan dasar British daripada tidak campur tangan kepada ~~dasar~~ dasar imperialis di Tanah Melayu, banyak negeri di Tanah Melayu telah dijajah oleh kuasa Barat. Negeri-negeri Melayu ~~seperti Perak~~ telah dipengaruhi oleh British dengan pengenalan sistem Residen di Perak (1874), Selangor (1875), Pahang (1888). Namun begitu, Johor telah mengekalkan kemerdekaannya dan merupakan negeri Melayu yang terakhir ~~dia~~ ~~dipa~~ menerima penasihat British. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku.

P 1½

Salah satu faktor yang menyebabkan Johor dapat mengekalkan kemerdekaannya adalah ~~kebijaksanaan~~ kebijaksanaan pemerintah. Misalnya, Temenggung Ibrahim dan Sultan Abu Bakar telah menjalin hubungan yang erat dengan pihak British. Sultan Abu Bakar yang berpendidikan Barat telah menjalankan pembaharuan di Johor dengan menerapkan unsur-unsur pentadbiran Barat yang moden. Baginda telah ~~menual~~ membuat satu perlembagaan iaitu Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor. Undang-undang ini dibuat berdasarkan perlembagaan British. Kedudukan Johor yang dekat dengan Singapura telah membolehkan baginda untuk meniru corak pentadbiran Barat. Peguam Singapura juga diupah untuk mengurangkan perbezaan undang-undang Johor dengan undang-undang British.

Baginda juga telah menubuhkan Majlis Mesyuarat Negeri untuk menggantikan Majlis Sultan. Jemaah Menteri dan Majlis Negeri juga dibentuk. Jemaah Menteri dilantik oleh Sultan untuk menasihati sultan dalam hal-hal pentadbiran. Majlis Negeri pula terdiri daripada ahli-ahli dari pelbagai kaum yang dilantik oleh Sultan untuk ~~mengubal~~ menggubal undang-undang. Sultan Abu Bakar juga telah mengupah beberapa orang penasihat Eropah tetapi kuasa pentadbiran adalah ~~dibawah~~ di bawah sultan

SMK Tinggi Setapak Jawapan Pelajar

dan MMN. Kempayaan baginda berbahasa Inggeris telah menyebabkan usaha pemodenan ini berjalan dengan lancar kerana baginda dapat berkomunikasi dengan pegawai-pegawai British.

Pembesar kanan juga memainkan peranan ~~yg~~ yang penting untuk mengekalkan kedaulatan negeri Johor. Negeri Johor mempunyai beberapa orang pembesar yang ~~bert~~ berwibawa seperti Dato' Jaafar bin Haji Muhammad, beliau merupakan Ketua Setiausaha Johor yang pertama dan Menteri Besar Johor yang pertama. Beliau telah menetapkan bahawa ~~dengan~~ pegawai British harus memakai pakaian rasmi kerajaan Johor. Beliau juga menetapkan ~~Bendera~~ bendera Union Jack perlu dikibarkan lebih rendah daripada bendera Johor. Selain itu, beliau menetapkan bahawa semua surat rasmi kerajaan harus ditulis dalam Bahasa Melayu. Dato' Abdul Rahman bin Andak pula ~~merupakan~~ pernah menjawat setiausaha dan penterjemah di Setiausaha Negeri dan pernah menjadi Setiausaha Sulit Sultan. Beliau telah berjaya menghalang kemasukan British ke Johor dengan menolak permintaan British untuk membina landasan api dalam sempadan Johor yang berhubung ke Singapura. Selain itu, beliau terus menjalin hubungan persahabatan dengan ~~dengan~~ pegawai British untuk mengelakkan Johor jatuh ke tangan British.

Tambahan lagi, Dato' Muhammad Salleh bin Perang ~~pun~~ pernah menjawat banyak jawatan seperti ~~pe~~ Pesuruhjaya Polis, Ketua Jabatan Tanah dan ~~Ke~~ Ketua Jabatan Ukur. Beliau telah ~~pun~~ berusaha memajukan Johor. Beliau telah melukis peta Johor dan ini telah menyenangkan kerja untuk memajukan pertanian, membangunkan ~~ba~~ bandar dan memajukan Johor. Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi pula memainkan peranan penting dalam pendidikan di negeri Johor. Jabatan Pendidikan telah ditubuhkan di Johor dan pada ~~1850~~ 1890-an, satu undang-undang telah diluluskan untuk mewajibkan setiap rakyat negeri Johor menerima pendidikan.

SMK Tinggi Setapak
Jawapan Pelajar

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

STPM/P1.1

~~No. Pusat/Angka Giliran~~ U672

Mata Pelajaran SJ K2 Tahun 9/9/09

Jangan tulis apa-apa di ruang ini.

Hubungan yang erat antara Sultan Abu Bakar dengan pihak British di London telah mengukuhkan ~~kebebasan~~ kedudukan Johor. Gelaran 'Maharaja' dan gelaran 'Sultan' telah diiktiraf. Selain itu, satu perjanjian antara British dengan Johor telah mengiktiraf negeri Johor sebagai negeri yang bebas.

Johor juga tidak berlaku kekacauan politik, oleh itu British tidak mempunyai alasan dan sebab untuk campur tangan di Johor. ~~Tida~~ Perebutan takhta dan kuasa pembesar tidak berlaku kerana kewibawaan Sultan Abu Bakar memerintah kerajaan Johor. Melalui sistem kangan, pemberian surat Sungai kepada tauke-tauke Cina untuk mengusahakan ladang lada dan gambir juga ~~tida~~ sangat sistematik dan tidak berlaku kekacauan antara kongsi gelap. Hal ini kerana Temenggung Ibrahim hanya membenarkan satu kongsi gelap cina memasuki Johor, iaitu ~~Gee~~ Ghee Hin.

Johor juga kekurangan sumber alam atau sumber ekonomi seperti bijih timah. Hal ini telah mengurangkan kecenderungan British untuk mengawal Johor walaupun kedudukan Johor agak strategik.

Rumusnya, berdasarkan semua faktor yang telah dinyatakan, Johor telah berjaya mengekalkan kemerdekaannya sehingga tahun 1914. Johor tetap ~~dik dimasuk campur~~ dicampur tangan oleh British kerana perbuatan-perbuatan Sultan Johor yang kurang menyenangi British dan telah mengancam kedudukan Singapura sebagai pelabuhan entrepot. Selepas pelbagai usaha yang telah dijalankan oleh British, akhirnya Johor telah menerima seorang ~~Penasihat~~ British dan seluruh ~~Ta~~ Semenanjung Tanah Melayu telah jatuh ke tangan British.

K 2

P-1½
I-18
K-2

22/25

Calon hendaklah menggunakan kedua-dua belah muka surat.

KEJUJURAN MENCERMINKAN KEPERIBADIAN ANDA

6

SMK Tinggi Setapak
Jawapan Pelajar

(7) Soalan 7

Secara umumnya, sistem ekonomi yang dijalankan di Asia Tenggara bersifat sara diri sebelum kedatangan Barat. Kegiatan ekonomi dijalankan untuk menampung keperluan sendiri sahaja. Di Filipina dan Myanmar, kegiatan utama adalah penanaman padi dan pertanian yang lain. Namun, kegiatan ekonomi seperti penternakan, perikanan dan lain-lain turut dijalankan. (2) 2.

Di Filipina, tanah ~~merupakan~~ tidak dimiliki oleh golongan atasan sahaja. Terdapat peraturan untuk menghindarkan golongan pembesar daripada mengeksploitasikan tanah. Tanah dibahagikan kepada sepetak-sepetak supaya diusahakan orang ramai. Masyarakat Filipina banyak menanam padi sawah kerana beras merupakan makanan utama mereka. Selain itu, mereka juga menanam tanaman sampingan seperti buah-buahan, ~~ubi-ubi~~, ubi keledek dan sebagainya untuk menampung keperluan sendiri dan masyarakat. Mereka juga menternak itik dan ayam untuk membekalkan baja kepada sawahnya dan daging itik dan ayam juga dimakan. Masyarakat Filipina membela kerbau dan lembu untuk membajak sawah. Kegiatan pertanian dan penternakan mereka bersifat sara diri.

Pada masa lapang, masyarakat Filipina juga membuat ~~keri~~ bakul, menganyam tikar, menenun kain dan mencelup kain. Kerja-kerja ini kebanyakannya dilakukan oleh golongan wanita. Terdapat juga tukang-tukang mahir di Filipina membuat sunting, ~~ortan~~ cincin dan gelang emas untuk dijual. Alat-alat perhiasan ini sangat halus dan cantik. Golongan ~~tep~~ lelaki pula akan membuat senjata-senjata, periuk atau perabot dengan besi, tembaga dan kayu.

Di Myanmar, dua perlima tanah Myanmar digunakan untuk menanam padi. Penduduk di hilir akan menanam padi sawah terutamanya

SMK Tinggi Setapak Jawapan Pelajar

di Delta Irradway kerana tanahnya yang subur. Iklim dan kelembapan yang bersesuaian juga mendorong aktiviti pertanian di Myanmar. Myanmar mengeluarkan ~~pad~~ hasil padi yang banyak sehingga beras telah banyak dieksport ke luar negara. Pada abad ke-19, beras telah dilarang untuk eksport kerana masyarakat yang tinggal di hulu kekurangan bekalan beras. Raja Myanmar menetapkan bahawa beras harus dijual di kawasan hulu dengan penggunaan kapal atau perahu. Jenis-jenis ~~beras~~ padi yang ditanam adalah banyak, misalnya ~~beras~~ padi merah dan padi wangi.

Masyarakat yang tinggal di hulu pula menanam padi huma di lereng bukit tetapi tidak mendatangkan hasil yang banyak. Mereka juga menanam tanaman seperti kacang dan kapas untuk dijual. Terdapat juga sebahagian kecil masyarakat Myanmar yang menjadi nelayan, mereka menangkap ikan di sungai atau laut dan ~~dijual~~ hasilnya dijual untuk mendapatkan barang keperluan yang lain. Namun, nelayan dipandang rendah oleh masyarakat Myanmar kerana masyarakat Myanmar yang mengamalkan agama Buddha menganggap nelayan telah membunuh kehidupan atau yang bernyawa.

Selain itu, terdapat juga aktiviti perdagangan di Myanmar tetapi telah dimonopoli oleh Raja Myanmar. Sebagai contohnya, kayu jati, batu permata, kapas dan barang-barang lain dieksport ke China untuk mendapatkan barang seperti teh, sutera atau candu. Hak eksport barang-barang ini adalah kuasa ~~raja~~ Raja Myanmar dan tidak boleh dijalankan oleh masyarakat biasa.

Kesimpulannya, sistem ekonomi di Filipina dan Myanmar merupakan sistem ekonomi sara diri secara umum. Terdapat juga aktiviti-aktiviti komersial tetapi dijalan dengan berkecil-kecilan. Selepas kedatangan Barat, sumber ekonomi telah dieksploitasi oleh Barat. Sepanyol telah memajukan ekonomi Filipina dan British memajukan ekonomi Myanmar tetapi hasilnya tidak dinikmati oleh penduduk tempatan.

P-2
T-16
K-2
20/25

R 2

SMK Tinggi Setapak
Jawapan Pelajar

(8) Soalan 8

Adat merupakan tradisi atau peraturan yang telah diwarisi secara turun-temurun dalam satu masyarakat. Adat ~~ini~~ diwarisi secara lisan dan perlu dipatuhi oleh semua warga masyarakat. Sebelum kedatangan ~~Di~~ di China, terdapat adat yang perlu dipatuhi sejak seseorang itu dilahirkan sehingga mati. Di India pula ~~beberapa adat telah dianggap tidak kemanusiaan oleh~~ adat-adatnya kebanyakannya tentang golongan wanita.

(P) 1½

Di China, adat seperti adat wanita hamil telah diamalkan. Wanita hamil tidak boleh menghadiri majlis perkahwinan atau upacara pengkebumian. Mereka juga harus mengawal pemakanan seperti tidak boleh makan buah-buahan mentah dan sayur mentah kerana akan menjejaskan kesihatan ~~bayi~~ dan ~~ibu~~ badan ibu. ~~Keluarga~~ Ahli kekeluargaan wanita hamil atau dia sendiri tidak boleh menggunakan paku di dalam rumahnya ~~atau bayi akan digugur~~ kerana mereka percaya bahawa bayi wanita hamil itu akan gugur jika berbuat demikian. Selepas wanita melahirkan anak, dia harus tinggal di rumah sebanyak 100 hari dan ~~makanan~~ makan makanan berkhasiat untuk memulihkan badan.

Masyarakat di China juga mengamalkan adat ~~kita~~ kelahiran bayi. Bayi yang baru dilahirkan dikira umur 1 tahun manakala umur bayi akan dikira 2 tahun selepas bayi itu ~~dilahir~~ telah dilahirkan 1 tahun. Hal ini kerana ~~orang~~ masyarakat China percaya bahawa bayi itu telah bernyawa apabila ibunya mula mengandung, tempoh mengandung sebanyak 10 bulan telah ditambah ke umur bayi itu. Selain itu, masyarakat China lebih mementingkan bayi lelaki. Kelahiran bayi lelaki akan disambut dengan lebih meriah berbanding dengan bayi perempuan. Hal ini demikian kerana lelaki akan mengekalkan nama keluarga manakala perempuan akan dikahwinkan kelak dan menggunakan nama sebelah keluarga suami.

SMK Tinggi Setapak Jawapan Pelajar

Masyarakat juga mengamalkan adat berkaitan ~~ds~~ perempuan. Anak perempuan dikawal supaya tidak keluar dari rumah ~~pest~~ di China. Mereka menganggap bahawa lelaki harus berkerja dan menerokai dunia luar tetapi perempuan hanya perlu tinggal di dalam rumah. Untuk mengawal anak-anak perempuan, kaki mereka ~~akan~~ dibebat dengan kain putih sehingga kaki mereka tidak membesar dengan biasa. Perempuan yang dibebat kaki hanya boleh melangkah dengan jarak yang sikit sahaja.

Adet perkahwinan juga diamalkan oleh masyarakat China. Perkahwinan telah ditetapkan sebelum ~~ra~~ anak-anak ~~dilu~~ dilahirkan. Ibu-bapa anak telah berjanji tentang sesuatu perkahwinan dan anak-anak mereka akan berkahwin apabila cukup umur nanti. Perkahwinan seperti ini boleh mengeratkan hubungan kedua-dua keluarga. Selain itu, melahirkan generasi baru dalam sesuatu perkahwinan juga amat penting dalam masyarakat China. Hal ini kerana ~~orang tua menganggap~~ roh-roh orang tua tidak dipuja kerana ~~tetah~~ tidak ada generasi baru. ~~Anak-anak~~

~~Amalan~~ Adat kowtow juga diamalkan ~~di~~ dalam masyarakat China. Semasa pembesar menghadap Maharaja, amalan kowtow akan dilakukan. Pembesar akan ~~ma~~ sujud dan menyembah sebanyak sembilan kali. Selain itu, apabila rakyat biasa berjumpa dengan Maharaja, amalan kowtow juga perlu dilakukan. Adat ini merupakan tanda penghormatan kepada ~~M~~ Maharaja China.

Di India pula, adat ~~sutte~~ sutte diamalkan. Adet sutte merupakan adat yang mengorbankan janda-janda yang kehilangan suami dengan membakar janda itu secara hidup-hidup bersama mayat suaminya. Adet ini adalah untuk menunjukkan cinta wanita itu

SMK Tinggi Setapak
Jawapan Pelajar

terhadap suaminya. Namun, janda-janda yang melarikan diri akan ditangkap dan dibakar secara paksaan. Adat ini amat kejam dari pandangan sekular.

Selain itu, masyarakat India juga mengamalkan adat thuggee. Adat ini dilakukan ~~dek~~ oleh satu kumpulan orang yang bergelar Thug. Mereka merompak dan membunuh orang asing atau pelancong di jalan raya atas ~~nam~~ nama Dewa Kali.

Masyarakat India juga mengamalkan adat wanita hamil. Adat ini berbeza dengan adat wanita hamil di China kerana adat ini menetapkan bahawa wanita hamil tidak boleh berbuat jahat. Wanita hamil tidak boleh berbuat jahat, bercakap kata-kata kasar dan patut menghindari segala kejahatan untuk memastikan bayi itu tidak dipengaruhi oleh kuasa jahat. Bayi yang baru lahir juga akan ~~di cecah~~ dicecah madu dengan minyak sapi di bibirnya oleh golongan Brahmin.

Adat balu juga diamalkan oleh masyarakat India. Balu-balu tidak boleh memakai pakaian yang ~~bat~~ berwarna-warni, mereka hanya boleh memakai ~~sari~~ sari putih. Mereka tidak boleh berkahwin lagi dan juga tidak boleh balik ke keluarganya. Balu-balu juga patut mengelak menghadiri upacara-upacara atau ~~majl~~ majlis perkahwinan.

~~Tentunya, adat-adat tradisional ini tu~~

Masyarakat India juga mengamalkan adat membunuh bayi perempuan. Hal ini kerana mereka tidak sanggup ~~menanggung~~ beban yang berat apabila anak perempuannya berkahwin nanti. Pihak

SMK Tinggi Setapak
Jawapan Pelajar

perempuan perlu membayar dan menghadiahkan banyak benda dalam sesuatu perkahwinan. Oleh itu, mereka sanggup membunuh bayi perempuan.

Tuntasnya, adet-adet ini telah disesuaikan selepas pemodenan atau selepas kedatangan Barat. Misalnya, Sir William Bentick telah menghapuskan adet sutte dan thugee di India manakala Lord Dalhousie telah membuat satu akta yang membenarkan balu-balu kahwin semula, tetapi tidak mendapat sambutan oleh masyarakat India. Di China pula, adet kowtow dan adet bebat kaki anak perempuan telah dihapuskan selepas kejatuhan Dinasti Manchuria. Namun, ada di antara adet-adet masih diamalkan oleh masyarakat China dan India sehingga kini. K 2

P - 1½
K - 2

21

SMK Tinggi Setapak
Jawapan Pelajar